

## **KEFAHAMAN TERHADAP *AL-ASMĀ’ AL-HUSNĀ* DAN KAITANNYA DENGAN CIRI *AL-IKHLĀS* MENURUT AL-GHAZĀLĪ DALAM KITAB *AL- MAQṢAD AL-ASNĀ***

**UNDERSTANDING *AL-ASMĀ’ AL-HUSNĀ* AND ITS  
RELATION WITH THE IMPLEMENTATION OF *AL-  
IKHLĀS* (SINCERITY) ACCORDING TO AL-GHAZĀLĪ’S  
THOUGHT IN *AL-MAQṢAD AL-ASNĀ***

***Mohd Hasrul Shuhari\**, *Mohd Fauzi Hamat\*\****

\*Centre of Usuluddin Studies. Faculty of Islamic  
Contemporary Studies. Universiti Sultan Zainal Abidin.  
21300. Kuala Nerus, Terengganu. Malaysia.

\*\*Department of `Aqidah & Islamic Thought. Academy of  
Islamic Studies. University of Malaya. 50603. Kuala  
Lumpur. Malaysia.

Emel: \*hasrulshuhari@unisza.edu.my

### ***Khulasah***

Kefahaman terhadap *al-Asmā’ al-Husnā* merupakan perkara penting dalam Islam kerana ia telah diperintahkan sendiri oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadisnya. Setiap yang diarahkan oleh baginda s.a.w sudah pasti ada keistimewaan dan kelebihannya kepada seseorang individu itu khususnya dalam kalangan umat Islam. Antara keistimewaan tersebut ialah dorongan menyemai ciri *al-ikhlās* (keikhlasan) dalam diri seseorang individu Muslim. Makalah ini bertujuan menjelaskan kaedah memahami *al-Asmā’ al-Husnā* menurut al-Ghazālī (m. 505H). Hubung kait di antara kefahaman terhadap *al-Asmā’ al-Husnā* dan ciri *al-ikhlās* yang boleh dibentuk dan disemai dalam diri seseorang individu Muslim juga akan diperjelaskan. Makalah ini menggunakan metodologi analisis kandungan (*content analysis*) yang difokuskan kepada kitab tulisan al-Ghazālī iaitu *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā*. Makalah ini merumuskan bahawa kaedah

kefahaman terhadap *al-Asmā’ al-Husnā* yang betul akan membantu dan mendorong seseorang individu Muslim untuk memiliki ciri *al-ikhlāṣ* kerana terdapat hubung kait yang signifikan di antara kefahaman terhadap *al-Asmā’ al-Husnā* dan ciri *al-ikhlāṣ* tersebut.

**Kata kunci:** *Al-Asmā’ al-Husnā*; *al-ikhlāṣ*; *al-Ghazālī*; *al-Maqṣad al-Asnā*.

### Abstract

The understanding of *al-Asmā’ al-Husnā* is important in Islam, as clearly indicated in the hadith of the Prophet (P.B.U.H). Any direction and instruction from the Prophet (P.B.U.H) have its significant benefits and advantages to individuals, especially Muslims. Among these benefits is inculcating the characteristics of *al-ikhlāṣ* (sincerity) in the mind of Muslims. Thus, this article aims at examining al-Ghazālī’s explanation of the methods of understanding *al-Asmā’ al-Husnā*. The article also aims at clarifying the correlation between the understanding of *al-Asmā’ al-Husnā* and the characteristics of sincerity in Muslim individuals. The collected data is based on content analysis research on *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*. The article concludes that a true comprehension of *al-Asmā’ al-Husnā*, according to al-Ghazālī’s thought in *al-Maqṣad al-Asnā*, is capable of developing Muslims’ *ikhlāṣ* (sincerity) because of the correlation between the understanding of *al-Asmā’ al-Husnā* and *al-ikhlāṣ* (sincerity).

**Keywords:** *al-Asmā’ al-Husnā*; *al-ikhlāṣ*; *al-Ghazālī*; *al-Maqṣad al-Asnā*.

### Pendahuluan

Penulis kitab *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā* ialah Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-Ṭūsī al-Shāfi‘ī atau lebih dikenali dengan al-Ghazālī dilahirkan pada tahun 450H.

di Tus. Beliau pernah belajar dengan Imam al-Haramayn (m. 478H.) dan merupakan seorang yang sangat pintar dalam pelbagai bidang. Beliau memiliki kitab-kitab yang ditulis dalam pelbagai bidang keilmuan di mana sehingga kini kitab-kitabnya sangat mempengaruhi para pembaca. Majlis-majlis pengajiannya dihadiri oleh para ulama yang terkenal. Beliau digelar *Hujjat al-Islām* (penghujah Islam) dan pemikirannya sangat mempengaruhi khazanah intelektual Islam dalam bidang seperti falsafah, tasawuf, teologi dan akhlak. Beliau merupakan salah seorang ulama besar dalam mazhab al-Shafi‘i dalam bidang fiqh dan merupakan ulama besar *al-Ashā’irah* dalam bidang akidah. Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 14 Jamadi al-Akhir 505H. dan dikebumikan di Tus ketika umurnya lima puluh lima tahun.<sup>1</sup>

Berhubung dengan kitab *al-Maqṣad al-Asnā*, perkataan *al-Maqṣad* berasal daripada perkataan *qaṣada* yang bermaksud ‘menuju kepadanya’, ‘memaksudkannya’ dan ‘menginginkannya’.<sup>2</sup> Manakala *al-Asnā* berasal daripada perkataan *sanā* yang bermaksud

---

<sup>1</sup> Abū al-Fidā’ Ismā’īl ibn ‘Umar Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, taḥqīq ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Muhsin al-Turkī (Giza: Markaz al-Buhūth wa al-Dirāsah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah, 1998), juz. 16: 213-214; Shihāb al-Dīn Abū al-Falāj ‘Abd al-Ḥayy ibn Aḥmad ibn al-‘Imād, *Shadharat al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*, taḥqīq Maḥmūd al-Arnā’ūt (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1989), juz. 5: 18-19; ‘Abd al-Ḥamīd al-Madkūr, “Iṭtijāhāt al-Muslimīn Naḥwā al-Taṣawwuf”, dalam *Mawsū’at al-Taṣawwuf al-Islāmī*, ed. Maḥmūd Ḥamdī Zaqqūz (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 2009), 32; Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, “Al-Ghazzali and His Refutation of Philosophy”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 21 (2005), 1 dan Mehmet Vural, “Classic Logic of Al-Ghazali Methodology”, *Journal of Islamic Research*, vol. 3, no: 2, (2010), 143.

<sup>2</sup> *Al-Mu’jam al-‘Arabī al-Asā’ī* (t.p.: al-Munzamat al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm, t.t.), 989, entri “*qaṣada*” dan *al-Mu’jam al-Wasīt*, ed. Mujamma‘ al-Lughat al-‘Arabiyyah (Mesir: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah, 2005), 738.

menerangi dan tinggi.<sup>3</sup> Perkataan *al-asnā* merupakan *ism al-tafđil* (kata nama yang merujuk kepada sifat yang bersangatan) yang memberi erti ‘sangat terang’ atau ‘sangat tinggi’. Jadi, gabungan dua perkataan *al-Maqṣad al-Asnā* bermaksud ‘maksud yang tertinggi atau maksud yang sangat jelas dan terang’. Berkenaan perkataan *Asmā’ Allāh al-Husnā*, perkataan *asmā’* merupakan perkataan *jama’* kepada *ism* yang berasal daripada perkataan *samā* yang bermaksud tinggi. Perkataan *ism* bermaksud sesuatu yang dikenali dengan sesuatu yang lain atau menggunakan dalil tertentu bagi menunjukkan kepadanya.<sup>4</sup>

Dalam bahasa Melayu, *ism* merujuk kepada ‘nama’ yakni bermaksud panggilan atau sebutan bagi orang, barang, tempat, pertubuhan dan lain-lain. Ia juga merujuk kepada gelaran, sebutan, kehormatan, kebaikan, kemasyhuran, maruah dan pujian.<sup>5</sup> Perkataan *al-Husnā* yang merupakan perkataan *mu’annath* bagi perkataan *al-ahsan* bermaksud sangat baik. Maka, *Asmā’ Allāh al-Husnā* bermaksud nama-nama Allah S.W.T yang sangat baik.<sup>6</sup> *Al-Asmā’ al-Husnā* berjumlah sangat banyak, namun *al-Asmā’ al-Husnā* yang dimaksudkan di sini ialah *al-Asmā’ al-Husnā* yang berjumlah sembilan puluh sembilan nama seperti yang disenaraikan oleh al-Għażali di dalam kitab tersebut. Setelah memahami maksud perkataan seperti di atas, maka diterjemahkan nama kitab tersebut seperti berikut, ‘Maksud Tertinggi dalam

<sup>3</sup> *Al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asāsi*, 648, entri “sanā”; *al-Mu’jam al-Wasīt*, 457, entri “sanā” dan *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A’lām*, cet. ke-30 (Beirut: Dār al-Mashriq, 1988), 359, entri “sanā”.

<sup>4</sup> *Al-Mu’jam al-Wasīt*, 452, entri “samā”.

<sup>5</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1067, entri “nama”.

<sup>6</sup> *Al-Mu’jam al-Wasīt*, 174, entri “ḥasuna” dan M. Quraish Shihab, *Menyingkap Tabir Ilahi Asma Al Husna Dalam Perspektif Al-Qur'an* (Jakarta: Penerbit Lentera Hati, 2005), xxxvi.

Mensyarkan Nama-nama Allah S.W.T yang Sangat Baik’.

Al-Ghazālī membahaskan *al-Asmā’ al-Husnā* dengan menulis kitab *al-Maqṣad al-Asnā* setelah diminta oleh seseorang untuk menjelaskan tentang *al-Asmā’ al-Husnā*. Pada mulanya, beliau teragak-agak kerana persoalan ini perlu ditanggapi secara berhati-hati dan di luar kemampuan manusia untuk membicarakan sifat *rubūbiyyah* Allah S.W.T. Dalam masa yang sama, beliau memahami bahawa menjawab persoalan yang diajukan oleh orang yang bertanya adalah menjadi kewajipan agama.

Al-Ghazālī menulis kitab ini ketika beliau berada dalam fasa pengasingan diri setelah selesai menulis kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* dan sebelum beliau menulis kitab *al-Munqidh min al-Dalāl*. Mustafa Abu-Sway mengklasifikasikan kitab ini sebagai karya ilmiah yang ditulis dalam tempoh masa pengasingan diri al-Ghazālī, sama seperti kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* iaitu di antara tahun 488H.-499H./1095M.-1106M.<sup>7</sup> Kitab ini membahaskan persoalan akidah di samping akhlak sebagaimana yang dijelaskan dalam subtopik berikutnya.<sup>8</sup> Selain itu, menurut `Abd al-Hamid Madkur, ketokohan al-Ghazālī dalam pelbagai bidang telah mempengaruhi

<sup>7</sup> Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Abū Sahl dan Najāḥ ‘Iwād Ṣiyām (Kaherah: Dār al-Muqtīm, 2008), 19; Mustafa Abu-Sway, *al-Ghazzaliyyah: A Study In Islamic Epistemology* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), 1996), vii, 101, 123-124 dan Mohd Abduh bin Abu Samah@Hashim, “Pemikiran Akidah al-Imam al-Ghazzali Dalam Kitab *Iḥyā’ ‘Ulum al-Dīn*: Analisis Terhadap Kitab *Qawa’id al-‘Aqa’id*” (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006), 41-42.

<sup>8</sup> Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā (li al-Imām Ḥujjat al-Islām Abī Ḥāmid al-Ghazālī al-Mutawaffā Sanah 505H): Dirāsah wa Taḥqīq” (Disertasi sarjana, Kuliyyah Usuluddin, Universiti al-Azhar, 1988), 36-37 dan 184-185 dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 44.

penulisannya dalam *al-Maqṣad al-Asnā* sebagaimana berikut:

...فقيه وأصولي ومتكلم وصوفي... كل هذا له أثر في  
موضوعات وسائل الكتاب... الغزالي يجمع كلها؛ لغة  
وصفي وأصول الفقه وعلم الكلام...

Terjemahan: [Al-Ghazālī merupakan seorang ahli fiqh dan ahli usul dan mutakallim dan ahli sufi... semua ini memberi kesan kepada tajuk-tajuk dan permasalahan kitab [*al-Maqṣad al-Asnā*]... al-Ghazālī menghimpunkan semuanya [dalam kitab *al-Maqṣad al-Asnā* iaitu]; bahasa, tasawuf, usul fiqh dan ilmu kalam...<sup>9</sup>

### Kaedah Memahami *al-Asmā’ al-Husnā* Menurut al-Ghazālī

Di dalam suatu hadith, dinyatakan bahawa nama-nama Allah S.W.T yang elok itu berjumlah sembilan puluh sembilan, sesiapa yang menghitungnya (*ahṣāhā*) maka dia akan masuk syurga. Sabda Nabi s.a.w:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ  
لِلَّهِ تِسْعَةَ وَتِسْعِينَ اسْمًا مِائَةً إِلَّا وَاحِدًا مِنْ أَخْصَاصَهَا  
دَخْلُ الْجَنَّةَ.

<sup>9</sup> ‘Abd al-Hamid Madkur (Profesor, Jabatan Falsafah Islam, Kuliyyah Dar al-‘Ulum, Universiti Kaherah), dalam temu bual dengan penulis, 2 dan 7 Julai 2010. Maklumat lanjut berkenaan ketokohan al-Ghazālī, lihat ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “*al-Maqṣad al-Asnā*”, 49 dan 184-185 dan al-Sayyid Muḥammad Ṣāliḥ Dawūd, “*al-Dars al-Dilālī ‘inda Abī Ḥāmid al-Ghazālī fī Kitābayhi: al-Mankhūl min Ta‘līqāt al-Uṣūl, al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*”, (Tesis kedoktoran, Kuliyyah al-Adab, Universiti al-Iskandariyyah, 2008), 163-164, 171 dan 175-176.

Terjemahan: Daripada Abū Hurayrah daripada Nabi s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya bagi Allah ada sembilan puluh sembilan nama, seratus kurang satu. Sesiapa yang menghitungnya, nescaya akan memasuki syurga.<sup>10</sup>

Sebenarnya, jumlah *al-Asmā’ al-Husnā* adalah banyak yang hanya diketahui oleh Allah S.W.T.<sup>11</sup> Berhubung dengan maksud ‘menghitungnya’ (*aḥṣāhā*) yang mana ganjarannya adalah syurga, ulama telah berbeza pendapat mengenainya. Menurut al-Bukhārī, ia merujuk kepada orang yang menghafal nama-nama Allah S.W.T. Pendapat ini disokong dengan riwayat lain yang mempunyai matan ‘*man hafizahā*’ yang bermaksud ‘sesiapa yang menghafalnya’. Menurut pendapat lain, maksud orang yang menghitung nama-nama Allah S.W.T ialah orang yang memahami nama-nama Allah S.W.T sebaik-baiknya, menjaga segala tuntutan nama-nama Allah S.W.T dan membenarkan makna-maknanya.

Selain itu, ada juga ulama lain yang menjelaskan bahawa ia merujuk kepada orang yang beramal dengan nama-nama Allah S.W.T, taat kepada nama-nama Allah S.W.T dan beriman dengan nama-nama Allah S.W.T tersebut.<sup>12</sup> Cara beramal dengan nama-nama Allah S.W.T yang benar ialah seseorang itu menghiasi dirinya dengan

<sup>10</sup> Abū al-Husayn Muslim ibn al-Hajjāj ibn Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, tāḥqīq Khalīl Ma’mūn Shayhā (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 2010), 1217 (Kitāb al-Da‘awat al-Dhikr wa al-Du‘ā’ wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb fī Asmā’ Allāh Ta‘alā wa Faḍl Man Aḥṣāhā, no. hadis 6751).

<sup>11</sup> Ahmad ‘Abd al-Jawwād, *Wa li Allāh al-Asmā’ al-Husnā* (Kaherah: Dār al-Bayān li al-Turāth, t.t.), 8 dan Muḥammad Bakr Ismā‘īl, *Asmā’ Allāh al-Husnā Athāruhā wa Asrāruhā* (Kaherah: Dār al-Manār, 2000), 5.

<sup>12</sup> Abū Zakariyā Yaḥyā ibn Sharf al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī* (Kaherah: al-Maṭba‘at al-Miṣriyyah bi al-Azhar, 1930), juz. 17: 5.

makna yang terkandung di dalamnya. Pada peringkat ini, mereka sudah mencapai tahap *al-iḥṣā’ al-‘amalī* (hitungan menerusi amalan) iaitu beramal dengan nama-nama Allah S.W.T. Inilah peringkat yang istimewa bagi seseorang mukmin. Berhubung dengan *al-iḥṣā’ al-qawlī* (hitungan menerusi perkataan), ia akan dapat dicapai jika manusia dapat mengumpul, menghafal dan berdoa kepada Allah S.W.T dengan nama-nama Allah S.W.T tersebut.<sup>13</sup> Ini peringkat yang biasa dilakukan oleh semua mukmin.

Menurut al-Għażali, terdapat tiga peringkat kefahaman *al-Asmā’ al-Husnā*. Peringkat pertama ialah mencapai *al-ma’rifah* tentang makna nama-nama Allah S.W.T yang indah tersebut dalam bentuk *mukāshafah* (terbuka tabir penutup) dan *mushāhadah* (penyaksian mata hati) sehingga seseorang benar-benar jelas memahami hakikatnya dengan jelas dan penuh keyakinan berdasarkan dalil-dalil yang tidak mungkin terkandung di dalamnya kesilapan. Peringkat kedua ialah merasai keagungan (*al-isti’zām*) dari apa yang mampu dicapai makrifah tentangnya pada peringkat pertama sehingga memberi dorongan dan keinginan yang kuat untuk seseorang berbudi pekerti (*al-ittisāf*) sekadar yang termampu dengan sifat-sifat tersebut.<sup>14</sup> Mereka akan menghampiri sifat-sifat Allah S.W.T sebagaimana kedudukan para malaikat yang hampir di sisi Allah S.W.T.

Jiwa seseorang yang memahami keagungan dan kemuliaan sifat-sifat Allah S.W.T (*al-isti’zām wa istishrāf*) akan merindui (*shawq*) sifat-sifat-Nya,

<sup>13</sup> Ahmad ibn ‘Alī ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā’īl al-Bukhārī*, taḥqīq ‘Abd al-Qādir Shaybah al-Ḥamad (Riyadh: Maktabat al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah, 2001), juz 13: 390.

<sup>14</sup> Al-Għażali, *al-Maqṣad al-Asnā*, 44 dan Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari, *al-Asma’ al-Husna* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 40.

mencintai (*'ishq*) kebesaran dan keindahan-Nya dan bergegas menghiasai diri (*al-tahallī*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T dengan sempurna sekadar termampu. Jika ia tidak mampu melakukannya dengan sempurna, kerinduannya (*shawq*) akan mendorongnya menghiasi diri sekadar mampu dengan sifat-sifat Allah S.W.T. Seseorang mungkin tidak merasai kerinduan tersebut disebabkan dua perkara:<sup>15</sup>

- i. Mereka lemah untuk mencapai makrifah tentang sifat-sifat tersebut atau kurang meyakini salah satu sifat kebesaran dan kesempurnaan yang dimiliki oleh Allah S.W.T. Ini sepatutnya sudah selesai pada peringkat pertama tadi yakni mencapai *al-ma’rifah* tentang makna nama-nama Allah S.W.T yang indah itu dalam bentuk *mukāshafah* (terbuka tabir penutup) dan *mushāhadah* (penyaksian mata hati) sehingga seseorang benar-benar jelas memahami hakikatnya.
- ii. Hati mereka mungkin lebih merindui (*shawq*) perkara lain. Contohnya, ketika seseorang murid mendapati gurunya memiliki kesempurnaan ilmu, maka sebenarnya terdorong untuk menyerupai dan mengikuti (*al-tashabuh wa al-iqtidā'*) sifat kesempurnaan yang dimiliki oleh gurunya tersebut. Namun, hasrat tersebut akan terhalang kalau dia berada dalam keadaan yang amat lapar kerana kelaparan tersebut boleh menghalangnya daripada terus berkeinginan untuk mencapai sifat kesempurnaan yang dimiliki oleh gurunya itu. Maka, wajib bagi seseorang yang meneliti secara serius sifat-sifat Allah S.W.T bagi maksud untuk mencontohnya memiliki hati yang bersih dari berkeinginan untuk mendapat sesuatu matlamat selain daripada Allah S.W.T. Peringkat ini juga

---

<sup>15</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 44-45 dan Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari, *al-Asma’ al-Husna*, 40.

dapat disebut pembersihan dan penyucian hati (*taṣfiyat al-qalb wa tazkiyatuh*).<sup>16</sup>

Peringkat ketiga ialah berusaha sekadar termampu untuk mencapai sifat-sifat Allah S.W.T dengan cara berakh�ak dengannya (*al-takhalluq*) dan menghiasi diri mereka dengan nilai kebaikan yang terkandung dalam sifat-sifat tersebut (*al-tahallī*). Dengan cara ini, mereka akan menjadi seorang *rabbānī*, iaitu memperolehi kedudukan yang dekat dengan Allah S.W.T. Dengannya juga mereka akan menjadi teman rapat (*rafiq*) para malaikat yang berada di kedudukan yang amat dekat dengan Allah S.W.T.<sup>17</sup>

Sesiapa yang berjaya memastikan terzahirnya sifat-sifat Allah S.W.T pada dirinya maka tercapailah apa yang dinamakan sebagai *al-tajallī* (penjelmaan sifat Allah S.W.T dalam dirinya). al-Ghazālī tidak menggunakan kalimah *al-tajallī* dalam *al-Maqṣad al-Asnā*, tetapi istilah ini disebut dalam kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Menurutnya, keluasan kerajaan seseorang di dalam syurga bergantung kepada keluasan makrifahnya dan sekadar mana *al-tajallī* sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan Allah S.W.T dapat diusahakannya.<sup>18</sup>

Ringkasnya, kaedah kefahaman tersebut boleh difahami berdasarkan tiga peringkat di mana pada peringkat pertama, seseorang memberi fokus kepada usaha untuk mencapai *al-ma’rifah* tentang sifat-sifat Allah S.W.T dengan keyakinan yang teguh dan hati yang telah dibersihkan daripada keinginan untuk mencapai matlamat sesuatu yang selain daripada Allah S.W.T. Kemudian pada peringkat kedua, dia menekankan pengagungan (*al-isti’zām*) dan pemuliaan (*al-istishrāf*)

<sup>16</sup> Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t.), juz. 3: 15.

<sup>17</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 45 dan Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari, *al-Asma’ al-Husna*, 40.

<sup>18</sup> Al-Ghazālī, *Iḥyā’*, juz. 3: 15.

terhadap Allah S.W.T yang mendorong seseorang bersifat (*al-ittīṣāf*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T. Dorongan itu melibatkan rindu (*shawq*) dan cinta (*‘ishq*) terhadap sifat-sifat-Nya dan sangat menitikberatkan penghiasan diri (*al-taħallī*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T dengan sempurna. Jika tidak mampu, maka ia melakukannya berdasarkan kadar kemampuannya yang ada.

Pada peringkat terakhir, dia berusaha bersungguh-sungguh (*iktiśāb*) untuk berakhhlak (*al-takhalluq*) dan menghiaskan diri (*al-taħallī*) dengan sifat-sifat tersebut. Ini melayakkan mereka mencapai kedudukan insan *rabbāni* di sisi Allah S.W.T dan menjadi rakan rapat (*rafiq*) kepada para malaikat yang berada di kedudukan tertinggi. Peringkat ini juga dikenali sebagai penjelmaan nilai-nilai mulia dalam perilaku diri (*al-tajallī*).

Keistimewaan peringkat-peringkat yang disusun oleh al-Ghazālī ini dapat dilihat bagaimana ia mempengaruhi penulisan `Abd Allāh ibn `Umar al-Bayḍāwī (685H) pada bahagian pendahuluan kitabnya yang berjudul *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā*. Beliau menyatakan bahawa kitab ini ditulis setelah beliau meneliti secara khusus terhadap kitab al-Ghazālī iaitu *al-Maqṣad al-Asnā* dan kitab al-Rāzī iaitu *Lawāmi’ al-Bayyināt*. Pada fasal kesepuluh yang bertajuk Faedha-faerah Tertentu dengan Zikir dan Fikir (*al-Fawāid al-Makhsusah bi al-Dhikr wa al-Fikr*), beliau menulis keseluruhan fasal ini dengan membawa pandangan al-Ghazālī tentang perkara tersebut dalam fasal keempat daripada bahagian pertama iaitu pendahuluan dan pengenalan (*al-sawābiq wa al-muqaddimāt*).<sup>19</sup>

Justeru, pengaruh ini memberi nilai tambah kepada pemikiran al-Ghazālī yang menjadi rujukan muktabar kepada ulama yang lain dan ini boleh dijadikan asas

<sup>19</sup> Al-Bayḍāwī, *Sharḥ Asmā’ Allāh*, 130-134 dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 44-55.

signifikan pemilihan tokoh dalam kajian ini. Secara umumnya, pemikiran al-Ghazālī ini dapat disimpulkan kepada tiga peringkat utama iaitu *al-takhallī*, *al-tahallī* dan *al-tajallī*.

### Konsep *al-Ikhlāṣ* (Keikhlasan)

Menurut al-Jurjānī, pada sudut bahasa, *al-ikhlāṣ* bermaksud meninggalkan riyak apabila melakukan ketaatan. Pada sudut istilah, ia bermaksud membersihkan hati daripada tercampur dengan sesuatu yang memudarkan kebersihannya dan dapat mengetahui sesuatu yang mencampurinya, dan dengan itu ia dapat dielakkan. Menurut al-Qushayrī, *al-ikhlāṣ* bermaksud berniat semata-mata kerana Tuhan yang memiliki nama *al-Ḥaqq* dalam ketaatan. Manusia mentaati Allah S.W.T adalah semata-mata ingin mendekatkan diri kepada-Nya tanpa sebab yang lain seperti pujian dan lain-lain. Hakikat keikhlasan ialah terpelihara dari belenggu riyak dan hawa nafsu.<sup>20</sup>

Dalam Kitab *al-Arba’īn fī Uṣūl al-Dīn*, al-Ghazālī menukilkan satu fasal khusus tentang *al-ikhlāṣ*. Beliau meletakkan fasal tersebut di bawah bahagian keempat yang bertajuk ‘akhlik yang terpuji’ (*al-akhlāq al-mahmūdah*). Menurutnya, *al-ikhlāṣ* mempunyai tiga rukun iaitu asas, hakikat dan kesempurnaan. Rukun pertama merujuk kepada niat kerana di dalam niat terdapat *al-ikhlāṣ*. Niat akan menghasilkan pergerakan anggota badan setelah ia bermula dari ilmu, keinginan dan kekuatan.

<sup>20</sup> ‘Alī ibn Muhammad al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta’rīfāt* (Beirut: Maktabah Lubnan, 1985), 12, entri “*ikhlāṣ*”; Abū al-Qāsim al-Qushayrī, *al-Risālat al-Qushayriyyah*, taḥqīq ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (Kaherah: Matabi‘ Muassasah Dār al-Sha‘b, 1989), 360; Su‘ad al-Ḥākim, *al-Mu‘jam al-Ṣūfi* (Beirut: Dandarah li al-Tibā‘ah wa al-Nashr, 1981), 688, entri “*al-ṣidq*” dan Rafiq al-‘Ajam, *Mawsū‘at al-Muṣṭalaḥāt al-Taṣawwuf al-Islāmī* (Beirut: Maktabah Lubnan, 1999), 26, entri “*ikhlāṣ*”.

Ilmu menggerakkan keinginan, kemudian keinginan berperanan membangkitkan kekuatan untuk menggerakkan anggota badannya. Contohnya, seseorang yang bangun dari tidur lalu melihat makanan, maka ia memiliki ilmu tentang makanan. Kemudian ilmu itu menggerakkan keinginannya untuk menjamahnya. Akhirnya, keinginan tersebut membangkitkan keuatannya untuk bertindak dengan menggerakkan tangannya lalu menjamahnya.<sup>21</sup>

Rukun keduanya iaitu hakikat merujuk kepada hanya satu perkara yang membangkitkan niatnya (*tajarrud al-bā’ith al-wāhid*). Jika ada dua perkara yang membangkitkan niatnya untuk melakukan sesuatu perkara, maka ia bertentangan dengan hakikat keikhlasan. Rukun ketiga merujuk kepada *al-sidq* yang merupakan kesempurnaan ikhlas (*kamāl al-ikhlāṣ*).<sup>22</sup> Pada permulaan perbahasan berkenaan tajuk *al-Ikhlas* dalam *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, al-Ghazālī menjelaskan tentang kelebihan dan kepentingan keikhlasan antaranya dengan membawakan firman Allah S.W.T:<sup>23</sup>

وَمَا آتَيْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حُنْفَاءَ

وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكُوَةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيمَةِ

Terjemahan: Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid, dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar.

Al-Bayyinah 98: 5

<sup>21</sup> Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Arba‘īn fī Uṣūl al-Dīn* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.), 224-225.

<sup>22</sup> *Ibid.*, 230 dan 232.

<sup>23</sup> Al-Ghazālī, *Iḥyā’*, juz. 4: 376.

Menurut al-Ghazālī, berhubung dengan definisi *al-ikhlās*, apabila bersih sesuatu yang bercampur dengan sesuatu campuran, maka ia disebut sebagai *khāliṣ*. Perbuatan untuk membersihkan atau mengasingkan di antara kedua-duanya dikenali sebagai *ikhlās*. Firman Allah S.W.T:<sup>24</sup>

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَمِ لَعِبْرَةً نُسْقِيْكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهِ

وَمِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَبَنًا حَالِصًا سَآءِيْغًا لِلشَّرِبَيْنِ ﴿٢٢﴾

Terjemahan: Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dan darah, [iaitu] susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya.

Al-Nahl 16: 66

Berdasarkan ayat ini, al-Ghazālī menjelaskan bahawa susu yang *khāliṣ* (bersih) ialah susu yang tidak bercampur dengan darah, *farth* (najis di dalam perut binatang) dan bahan-bahan yang lain. Lawan bagi kalimah *ikhlās* ialah *ishrāk* (penyekutuan) maka pada sudut bahasanya bahawa sekiranya individu itu tidak *mukhliṣ* (orang yang ikhlas) maka ia dikenali sebagai *mushrik* (seseorang yang menyekutukan). Namun begitu, syirik ada peringkat-peringkatnya yang tersendiri, antaranya syirik di dalam akidah yang terdiri daripada syirik *khafti* (kecil/tersembunyi) dan *jali* (besar/jelas).

Ikhlas di dalam akidah dikenali sebagai *tawḥīd* manakala lawannya ialah *tashrīk* apabila berhubung dengan hal ehwal ketuhanan. Lawan bagi ikhlas ialah

<sup>24</sup> *Ibid.*, 379.

sesuatu yang bergilir-gilir berada di hati manusia di mana ia berkaitan dengan niat.<sup>25</sup> Apabila niatnya sudah bercampur-campur dengan sesuatu yang lain, maka ia tidak dianggap ikhlas lagi dan dianggap riyak yang merupakan *shirk khafī*.<sup>26</sup>

al-Ghazālī berpandangan bahawa ikhlas yang sebenar-benarnya ialah individu tersebut tidak menjadi hamba kepada diri dan nafsunya sebaliknya mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Dia istiqamah mematuhi segala perintah yang diputuskan oleh Allah S.W.T dalam beribadat kepada-Nya. Ini menunjukkan bahawa dia telah memisahkan dirinya dari segala yang selain daripada Allah S.W.T.<sup>27</sup>

Maka, dapat difahami dari pemikiran al-Ghazālī ini bahawa antara ciri-ciri yang bertentangan dengan *al-ikhlās* ialah tidak ikhlas, riyak, ujub dan mementingkan hawa nafsu. Rumusannya, *al-ikhlās* bagi al-Ghazālī ialah niat dalam segala tingkah lakunya adalah bersih daripada selain Allah S.W.T di mana perbuatan yang dilakukannya adalah semata-mata kerana Allah S.W.T. Apabila niat yang sepatutnya kerana Allah S.W.T bercampur kerana selain-Nya, maka ia tidak dianggap ikhlas.

**Hubung Kait antara *al-Asmā’ al-Husnā* dan *al-Ikhlas***  
Terdapat lima puluh tiga *al-Asmā’ al-Husnā* yang secara khususnya apabila difahami, ia dapat dikaitkan dengan ciri *al-ikhlās*. Namun, ini tidak menafikan bahawa nama-nama lain juga boleh dikaitkan dengan ciri ini. Pemilihan *al-Asmā’ al-Husnā* tersebut akan dijadikan contoh hubung kaitnya dengan ciri ini. al-Ghazālī berpandangan bahawa ikhlas yang sebenar-benarnya ialah individu tersebut tidak menjadi hamba kepada diri dan nafsunya

---

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Abū Ḥāmid al-Ghazālī, “Bidāyat al-Hidāyah”, dalam *Majmū‘at al-Rasā’il al-Imām al-Ghazālī*, ed. Maktab al-Buḥūth wa al-Dirāsāt (Beirut: Dār al-Fikr, 2008), 393.

<sup>27</sup> Al-Ghazālī, *Iḥyā*’, juz. 4: 376.

sebaliknya mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Dia sentiasa mematuhi segala suruhan dan larangan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T dalam usaha melaksanakan ibadat kepada-Nya.

Ini memperlihatkan bahawa dia telah memisahkan dirinya dari semua perkara selain daripada Allah S.W.T. Ringkasan dari huraian sebelum ini, *al-ikhlāṣ* menurut al-Ghazālī ialah niat seseorang individu dalam segala tindakannya adalah bersih atau terhindar daripada selain dari bertujuankan Allah S.W.T. Perbuatan, pertuturan dan seumpamanya yang dilakukannya adalah semata-mata kerana reda Allah S.W.T. Seseorang individu itu tidak dianggap ikhlas apabila niat yang sepatutnya bertujuangkan Allah S.W.T telah bercampur dengan selain-Nya.

Lima puluh tiga *al-Asmā’ al-Husnā* tersebut ialah *Allāh*, *al-Rahmān*, *al-Rahīm*, *al-Malik*, *al-Quddūs*, *al-Salām*, *al-Muhaymin*, *al-Mutakabbir*, *al-Ghaffār*, *al-Qahhār*, *al-Wahhāb*, *al-Mu’izz*, *al-Mudhill*, *al-‘Adl*, *al-Khabīr*, *al-Ghafūr*, *al-‘Aliyy*, *al-Hafīz*, *al-Hasib*, *al-Shakūr*, *al-Karīm*, *al-Raqīb*, *al-Hakīm*, *al-Wadūd*, *al-Shāhid*, *al-Haqq*, *al-Qawiyy*, *al-Matīn*, *al-Waliyy*, *al-Mubdi’*, *al-Mu’id*, *al-Muhyī*, *al-Mumīt*, *al-Hayy*, *al-Qayyūm*, *al-Şamad*, *al-Qādir*, *al-Muqtadir*, *al-Awwal*, *al-Ākhir*, *al-Muta’ali*, *al-Tawwāb*, *al-Muntaqim*, *al-‘Afuww*, *al-Ra’ūf*, *Mālik al-Mulk*, *al-Muqsiṭ*, *al-Ghaniyy*, *al-Mughniyy*, *al-Māni’*, *al-Bāqī*, *al-Wārith* dan *al-Šabūr*.

Akan dijelaskan di sini bagaimana hubung kait di antara *al-Asmā’ al-Husnā* ini dengan ciri *al-ikhlāṣ*. Setiap *al-Asmā’ al-Husnā* memperlihatkan kesan akhlakiah apabila ia difahami dengan baik dan kesan-kesan tersebut akan dikaitkan dengan *al-ikhlāṣ*. Pandangan al-Ghazālī terhadap sebahagian huraianya bagi *al-Asmā’ al-Husnā* ini juga akan dibandingkan dan digandingkan dengan beberapa ulama muktabar yang lain bagi memperlihatkan lagi kepentingannya dan juga disentuh beberapa aspek perbandingan daripadanya.

Nama-nama yang memberi kesan kepada seseorang agar memberi tumpuan sepenuhnya kepada Allah S.W.T ialah:

1. *Allāh*: Kesan kefahamannya menurut al-Ghazālī ialah hati seseorang itu akan sentiasa mengingati dan mengharapkan Allah S.W.T. Ia akan memberi tumpuan sepenuhnya dan tidak takut melainkan kepada-Nya.<sup>28</sup> Menurut al-Qushayrī (m.465H)<sup>29</sup> ketika menghuraikan kalimah *Allāh*, amalan seseorang itu tidak disertai keikhlasan sekiranya ia berasa takjub dengan diri sendiri lantaran ia menjadi hijab kepadanya dan Allah S.W.T. Contoh takjub dengan pangkat yang dimiliki dan ketaatan yang dilaksanakan. Keikhlasan yang dapat ditonjolkan di sini ialah seseorang itu sentiasa mengingati, mengharapkan, memberi tumpuan dan takut kepada Allah S.W.T. Tiada sesuatu yang dapat menjadi hijab antaranya dengan Allah S.W.T. Ini akan mendorongnya menjadi seorang individu Muslim yang ikhlas.
2. *Al-Quddūs*: Kaitan keikhlasan dengan nama ini menurut al-Ghazālī ialah apabila seseorang itu memahami nama ini ia akan tidak menginginkan sesuatu pun melainkan hanya Allah S.W.T. Ia juga hanya berharap untuk menemui Allah S.W.T dan ia hanya berasa gembira ketika mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.<sup>30</sup> Pandangan ini turut dinukilkan oleh al-Bayḍāwī (m. 685H)<sup>31</sup> dalam kitabnya setelah menghuraikan maksud *al-Quddūs*. Menurut al-Rāzī dalam kitabnya berkenaan *al-*

<sup>28</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 61-62.

<sup>29</sup> ‘Abd al-Karīm ibn Hawāzin al-Qushayrī, *al-Tahbīr fī al-Tadhkīr Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 8

<sup>30</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 68.

<sup>31</sup> ‘Abd Allāh ibn ‘Umar al-Bayḍāwī, *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā*, *tahqīq Khālid al-Jundī* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2009), 190.

*Asmā’ al-Husnā*, seseorang hamba yang menterjemahkan sifat ini ialah ia bersih rohaninya dari berkecenderungan kepada kelazatan jasmani serta khayalan, dan ia berusaha mencari ilmu dan berakhlak yang mulia. Apabila seseorang itu hanya memfokuskan keinginan dan harapan dirinya untuk menemui Allah S.W.T, maka sudah tentu ia tidak akan melakukan sesuatu perkara kerana ingin mendapatkan pujian, pangkat dan kecenderungan jasmani yang lain.<sup>32</sup> Ini mendorongnya menjadi seseorang yang ikhlas kerana rohaninya bersih dari cenderung kepada selain dari Allah S.W.T.

3. *Al-Mutakabbir*: Menurut al-Ghazālī, kesan kefahamannya ialah seseorang itu akan memandang hina terhadap segala sesuatu melainkan Allah S.W.T. Tiada sesuatu pun yang menyibukkan dirinya sehingga menghilangkan tumpuannya kepada Allah S.W.T dan ia juga memandang hina terhadap segala hawa nafsu.<sup>33</sup> Manakala al-Rāzī setelah menukilkan sebahagian pandangan al-Ghazālī menjelaskan bahawa seseorang hamba itu boleh menterjemahkan nama ini dalam dirinya dengan beribadah kepada Allah S.W.T kerana-Nya bukan kerana pahala dari-Nya. Ia bersifat sompong dengan selain daripada Allah S.W.T.<sup>34</sup> Apabila fokusnya hanyalah kepada Allah S.W.T dan tidak mempedulikan keinginan hawa nafsu, ia akan mendorongnya memiliki ciri keikhlasan. Ia tidak akan menyibukkan dirinya untuk mengampu atau membodek ketuanya untuk mendapatkan sesuatu kerana ia menganggap perkara tersebut sebagai

<sup>32</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā li al-Rāzī wa Huwa al-Kitāb al-Musammā Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta ‘ālā wa al-Ṣifāt* (Kaherah: al-Maktabat al-Azhariyyah li al-Turāth, 2000), 182.

<sup>33</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 76-77.

<sup>34</sup> Al-Rāzī, *Sharḥ*, 197.

suatu yang hina. Ini mendorongnya menjadi individu yang ikhlas.

4. *Al-Wahhāb* dan *al-Hasīb*: Kesan kefahaman terhadap *al-Wahhāb* menurut al-Ghazālī ialah seseorang itu akan mengorbankan segala apa yang dimilikinya termasuk nyawanya hanya kerana Allah S.W.T. Bahkan ia tidak melakukannya semata-mata bertujuan mendapatkan syurga, menghindari neraka dan seumpamanya. Ia tidak memikirkan semua itu sebaliknya mengharapkan-Nya, keredaan dan bertemu dengan-Nya kerana ia merupakan kebahagiaan terbesar baginya.<sup>35</sup> Kesan yang hampir sama apabila seseorang itu memahami *a-Hasīb*. Al-Ghazālī menjelaskan bahawa kesan kefahamannya ialah seseorang itu memahami bahawa hanya Allah S.W.T yang dapat memenuhi keinginan dan harapannya. Ia tidak menginginkan sesuatu apa pun dan tidak menyibukkan dirinya dengan membayangkan syurga dan neraka kerana hanya cukup baginya Allah S.W.T sahaja.<sup>36</sup> Pada pandangan al-Qushayrī, adab bagi seseorang yang sudah memahami Allah S.W.T sebagai *al-Wahhāb* ialah tidak memohon mana-mana hajat melainkan kepada-Nya dan hanya bertawakal kepada-Nya dalam segala urusannya. Manakala, sesiapa yang memahami *a-Hasīb* dengan baik, ia tidak peduli sama ada ia mendapat perhatian orang lain ataupun tidak dipedulikan mereka kerana ia berasa cukup dengan Allah S.W.T.<sup>37</sup> Seseorang yang melakukan sesuatu hanya kerana Allah S.W.T bukan bertujuan untuk mendapatkan syurga atau mengelakkan diri daripada neraka meskipun ia bukanlah satu perkara yang salah, memperlihatkan keikhlasan yang

---

<sup>35</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 83-86.

<sup>36</sup> *Ibid.*, 117-119.

<sup>37</sup> Al-Qushayrī, *al-Taḥbīr*, 26

sempurna. Begitu juga ia tidak peduli dengan perhatian orang ramai terhadapnya. Ini membantunya untuk menghindari ciri-ciri seperti riyak, ujub dan lain-lain sehingga ia berjaya menjadi individu yang ikhlas.

5. *Al-Haqq*: Kesan kefahamannya pada pandangan al-Ghazālī hanya Allah S.W.T Tuhan yang benar secara mutlak. Ia merasakan bahawa dirinya hanya bersifat benar jika disandarkan kepada Allah S.W.T di mana ia tidak bersifat benar secara sendiri. Seseorang ahli sufi yang selalu menyebut-nyebut *al-Haqq* adalah mereka yang tenggelam hatinya dengan-Nya dan memahami bahawa Allah S.W.T adalah *Dhat* yang sebenar yang tidak binasa. Manakala seseorang dari golongan *siddiqūn* tidak memandang sesuatu pun selain daripada Allah S.W.T.<sup>38</sup> Pandangan al-Bayḍāwī juga selari dengan al-Ghazālī bahawa seseorang hamba yang memahami *al-Haqq* secara benar akan menyedari bahawa kebenaran yang hakiki tiada lain melainkan dengan Allah S.W.T.<sup>39</sup> Sandaran mutlak seseorang itu kepada Allah S.W.T akan mendorongnya memiliki ciri keikhlasan.
6. *Al-Qayyūm*, *al-Şamad*, *al-Ghaniyy* dan *al-Mughniyy*: Seseorang yang memahami nama *al-Qayyūm*, ia akan mencapai nilai yang terkandung di dalamnya yakni ia tidak bergantung kepada selain daripada Allah S.W.T.<sup>40</sup> Kesan yang sama juga kelihatan apabila seseorang itu memahami *al-Şamad*, ia akan berpendirian bahawa Allah S.W.T adalah Tuhan yang dipohon kepada-Nya semua hajat dan diniatkan kerana-Nya setiap keinginan.<sup>41</sup>

---

<sup>38</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 133-135.

<sup>39</sup> Al-Bayḍāwī, *Sharḥ* 281.

<sup>40</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 140.

<sup>41</sup> *Ibid.*, 142.

Begitu juga seseorang yang memahami *al-Ghaniyy* dan *al-Mughniyy* akan mendorongnya bergantung sepenuhnya kepada Allah S.W.T.<sup>42</sup> Al-Rāzī berpandangan bahawa apabila *al-Qayyūm* difahami maka hati seseorang itu akan terputus dari bergantung kepada makhluk. Tiada huriahan faedah bagi seseorang hamba apabila memahaminya namun dapat dilihat pada makna terkandung pada nama *al-Śamad* iaitu Tuhan yang diniatkan segala hajat oleh manusia. Begitu juga pada nama *al-Ghaniyy* dan *al-Mughniyy* yang tidak disentuh oleh al-Rāzī berkenaan kesan memahami kedua-duanya. Dijelaskan pada *al-Ghaniyy* bahawa Allah S.W.T adalah tuhan yang tidak memerlukan sesuatu selain dari-Nya manakala *al-Mughniyy* menunjukkan makna yang lebih pada makna tersebut.<sup>43</sup> Apabila nama-nama ini difahami dengan baik, maka seseorang itu akan bergantung sepenuhnya kepada Allah S.W.T dan ini mendorongnya untuk menjadi seorang yang ikhlas.

7. *Al-Qawiyy* dan *al-Matin*, *al-Qādir* dan *al-Muqtadir*: Al-Ghazālī menjelaskan bahawa *al-Qawiyy* dan *al-Matin* berkaitan rapat dengan makna *al-qudrat* sebagaimana yang dijelaskan pada nama *al-Qādir* dan *al-Muqtadir*.<sup>44</sup> Jadi, kesan kefahaman terhadap nama ini juga dapat dilihat pada nama *al-Qādir* dan *al-Muqtadir* tersebut. Seseorang yang mencapai nilai yang terkandung padanya, ia akan memahami bahawa ia memiliki kekuatan yang tidak mutlak dan lemah. Manusia tidak berkuasa untuk mencipta sesuatu melainkan dengan bantuan kekuasaan Allah S.W.T.<sup>45</sup> Bagi *al-Qushayrī*, *al-Qawiyy* sama

<sup>42</sup> *Ibid.*, 154-155.

<sup>43</sup> Al-Rāzī, *Sharh*, 296, 303 dan 330.

<sup>44</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 136.

<sup>45</sup> *Ibid.*, 143.

maknanya dengan *al-Qādir* dan *al-Muqtadir* yang dihuraikan secara bersama olehnya. Begitu juga *al-Matin* yang merujuk kepada makna *al-Qawiyy*. Justeru, kesan kefahaman padanya tidak berbeza yang dihuraikan pada nama *al-Matin*, *al-Qādir* dan *al-Muqtadir* antaranya ialah seseorang itu tidak mengharapkan sesuatu pun selain daripada Allah S.W.T. Ia juga sentiasa bercita-cita untuk mendapatkan rahmat dan nikmat daripada-Nya.<sup>46</sup> Kesedaran seseorang itu tentang kekuasaan Allah S.W.T dan kekerdilan dirinya yang bergantung kepada kekuasaan Allah S.W.T akan menggerunkan hatinya dan ia akan mengikhaskan dirinya kepada Allah S.W.T.

8. *Al-Mubdi’* dan *al-Mu‘id*, *al-Muhyī* dan *al-Mumīt*, *al-Awwal* dan *al-Āakhir*: Menurut al-Ghazālī, *al-Mubdi’* dan *al-Mu‘id* merujuk kepada Allah S.W.T adalah Tuhan yang memulakan penciptaan manusia kemudian mengembalikan mereka kepada-Nya.<sup>47</sup> *Al-Muhyī* dan *al-Mumīt* merujuk kepada *al-ijād* (pewujudan) yang berkaitan dengan *ihyā’* (menghidupkan) atau *imātah* (mematikan). Tiada pencipta yang menciptakan kehidupan dan kematian melainkan Allah S.W.T.<sup>48</sup> Manakala *al-Awwal* dan *al-Āakhir*, al-Ghazālī menjelaskan bahawa apabila seseorang memerhatikan dari sudut kewujudan, Allah S.W.T merupakan Tuhan yang awal di mana makhluk-makhluk-Nya menjadi wujud kerana-Nya. Allah S.W.T adalah Tuhan yang dari-Nya semua makhluk datang dan kepada-Nya mereka kembali.<sup>49</sup> Manakala *al-Bayḍāwī* menerangkan kesannya pada seseorang hamba yang memahami *al-Mubdi’* dan *al-*

<sup>46</sup> Al-Qushayrī, *al-Tahbīr*, 55-56 dan 66

<sup>47</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 139.

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> *Ibid.*, 145.

*Mu’id* bahawa ia sedar dari mana dan menuju ke mana nanti yakni Allah S.W.T. Begitu juga pada *al-Muhyī* dan *al-Mumīt* yang kesannya dikaitkan dengan perhatian yang diberikan seseorang itu kepada tempat mula (*al-mabda’*) dan tempat kembali (*al-ma’ād*) sama ada baik atau buruk. Seseorang yang memahami *al-Awwal* dan *al-Ākhir* juga akan memberi perhatian pada keadaannya dari permulaan umur hingga akhirnya.<sup>50</sup> Setelah hamba Allah S.W.T memahami hakikat kewujudan manusia berdasarkan keenam-enam nama Allah S.W.T ini, mereka akan memahami bahawa fokus kewujudannya dan matlamat akhir kehidupannya adalah Allah S.W.T dan akan mendorongnya untuk mengikhlaskan diri kepada-Nya dalam setiap perbuatannya.

9. *Al-Bāqī* dan *al-Wārith*: Seseorang yang memahami *al-Bāqī* akan mengetahui bahawa Allah S.W.T adalah Tuhan yang tiada kesudahan kewujudan-Nya yang juga disebut *Abadi* (kekala). Allah S.W.T kekal dan tidak berubah pada sebelum atau selepas masa diciptakan.<sup>51</sup> Begitu juga apabila seseorang itu memahami nama *al-Wārith*, ia akan mengetahui bahawa Allah S.W.T adalah Tuhan yang kekal abadi setelah kehancuran makhluk-makhluk-Nya. Setiap sesuatu yang dimiliki oleh manusia dan makhluk-makhluk-Nya akan kembali kepada-Nya. Ia sentiasa menyedari bahawa hanya Allah adalah Tuhan yang memiliki secara mutlak terhadap sesuatu yang wujud. Ini menunjukkan isyarat kefahaman tauhid apabila merasakan Allah S.W.T bersendirian di dalam kerajaan-Nya.<sup>52</sup> Al-Rāzī menghuraikan bahawa makna *al-Bāqī* ialah Tuhan yang *wājib al-*

<sup>50</sup> Al-Bayḍāwī, *Sharḥ* 293, 295 dan 317.

<sup>51</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 159-160.

<sup>52</sup> *Ibid.*

*wujūd* yang tidak menerima ketiadaan. Manakala *al-Wārith* merujuk kepada makna Tuhan sebagai pemilik kepada semua perkara *mumkināt*. Dianugerahkan sebahagian dari kurniaan-Nya kepada hamba-hamba-Nya untuk memilikinya. Setelah hamba-hamba-Nya binasa, maka Dia kekal.<sup>53</sup> Makna yang tersirat pada kedua-dua nama ini memperlihatkan bahawa apabila seseorang itu memahaminya dengan baik, ia akan mendorong seseorang itu mengikhaskan diri kepada Allah S.W.T kerana tiada sesuatu yang kekal melainkan Allah S.W.T dan segala yang manusia miliki sebenarnya adalah milik Allah S.W.T.

Nama-nama Allah S.W.T yang mendorong seseorang itu berupaya mengawal keinginan hawa nafsunya:

1. *Al-Malik* dan *Mālik al-Mulk*: Menurut al-Ghazālī, kesan kefahaman terhadap *al-Malik* ialah seseorang itu tidak memiliki dan tidak memerlukan sesuatu apa pun melainkan Allah S.W.T. Ia juga memiliki kerajaannya sendiri di mana ia ditaati oleh tentera dan rakyatnya. Kerajaan khasnya adalah hatinya, tenteranya adalah syahwat dan kemarahannya, dan rakyatnya adalah lidah, mata, kedua-dua tangan dan seluruh anggota badannya yang akan mentaatinya.<sup>54</sup> Begitu juga seseorang yang memahami *Mālik al-Mulk* akan mentadbir dan memerintah kerajaannya yakni badan sendiri mengikut kehendaknya dengan menentukan gerak hati dan tindakan anggota badan mereka.<sup>55</sup> al-Ghazālī didapati terpengaruh dengan al-Qushayrī ketika menghuraikan nama *al-Malik*. Al-Qushayrī menjelaskan tiada raja yang hakiki melainkan Allah S.W.T. Beliau juga membawakan cerita tentang seorang penguasa yang berkata

<sup>53</sup> Al-Rāzī, *Sharḥ*, 336-337.

<sup>54</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 66-67.

<sup>55</sup> *Ibid.*, 150-151.

kepada orang yang soleh, “mohonlah hajatmu kepadaku”. Orang soleh menjawab, “Bagaimana tuan boleh mengatakan sedemikian sedangkan aku memiliki dua hamba manakala tuan adalah hamba kepada dua hamba tersebut.” Penguasa itu bertanya, “siapakah mereka berdua itu?” Orang soleh menjawab, “Mereka berdua ialah tamak (*al-hirṣ*) dan nafsu. Sesungguhnya aku telah memperhambakan mereka sedangkan tuan telah diperhambakan oleh mereka”.<sup>56</sup> al-Ghazālī juga menjelaskan makna *al-Malik* secara hampir serupa dengan pandangan al-Qushayrī. Beliau menjelaskan bahawa hamba tidak akan menjadi penguasa yang mutlak kerana mereka selama-lamanya memerlukan Allah S.W.T. Kemudian, al-Ghazālī juga membawa kisah penguasa dan orang soleh tersebut.<sup>57</sup> Namun, al-Qushayrī tidak menghuraikan secara jelas makna bagi *Mālik al-Mulk* di mana beliau meletakkan nama tersebut bergandingan pada nama *Dhū al-Jalāl wa al-Ikrām*. Didapati huraian hanya difokuskan kepada nama ini berbanding *Mālik al-Mulk*.<sup>58</sup> Berdasarkan huraian ini, seseorang yang ikhlas akan mengatur dan mengurus hatinya dengan baik berdasarkan bimbingan Allah S.W.T sehingga ia bergantung sepenuhnya kepada-Nya.

2. *Al-Salām*, *al-Qahhār*, *al-'Adl* dan *al-Şabūr*: Menurut al-Ghazālī, keempat-empat nama ini menjelaskan tentang penguasan agama dan akal manusia ke atas hawa nafsunya. Seseorang yang memahami *al-Salām* akan sejahtera daripada niat hatinya yang jahat. Manakala akalnya berjaya menguasai hawa nafsu dan perasaan marahnya.<sup>59</sup>

<sup>56</sup> Al-Qushayrī, *al-Taḥbīr*, 13.

<sup>57</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 67 dan ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 44.

<sup>58</sup> Al-Qushayrī, *al-Taḥbīr*, 71-72.

<sup>59</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 69-70.

Manakala seseorang yang memahami *al-Qahhār* akan mendorong seseorang itu menundukkan musuh utamanya iaitu hawa nafsunya di bawah kawalan agama dan akalnya. Jika ia berjaya menundukkan hawa nafsunya, maka ia akan berjaya menundukkan syaitan kerana syaitan memerangkap manusia melalui keinginan hawa nafsunya seperti keinginan terhadap wanita.<sup>60</sup> Berhubung dengan *al-‘Adl*, kesan kefahamannya ialah seseorang itu akan memastikan akal, agama, nafsu dan kemarahannya berada pada tempat yang sesuai. Ia berlaku adil apabila menjadikan akal dan agamanya menguasai hawa nafsu dan kemarahannya. Jika sebaliknya maka ia telah melakukan kezaliman.<sup>61</sup> Seseorang yang memahami *al-Sabūr*, ia akan memiliki kesabaran, di mana akal atau agamanya konsisten dalam menghadapi kecenderungan syahwat atau kemarahannya. Apabila kedua-dua kecenderungan ini saling bersaing, maka akal dan agamanya berjaya untuk menghalangnya dari bersifat tergesa-gesa dan tidak cenderung kepada kehendak nafsunya.<sup>62</sup> Al-Bayḍāwī juga mengaitkan keempat nama ini dengan ketidakterikatan seseorang itu dengan hawa nafsunya.<sup>63</sup> Keupayaan seseorang memastikan akal dan agamanya mengatasi hawa nafsu dan kemarahannya akan mendorongnya mencapai keikhlasan. Individu yang ikhlas adalah individu yang mampu menghindari dirinya dari dikuasai oleh hawa nafsu yang mendorongnya untuk memiliki ciri riyak dan lain-lain.

3. *Al-Quddūs*, *al-Muhaymin*, *al-Hafīz*, *al-Raqīb* dan *al-Māni‘*: Menurut al-Ghazālī, seseorang yang

---

<sup>60</sup> *Ibid.*, 82-83.

<sup>61</sup> *Ibid.*, 95-100.

<sup>62</sup> *Ibid.*, 161-162.

<sup>63</sup> Al-Bayḍāwī, *Sharḥ*, 191, 213, 237 dan 346.

memahami *al-Quddūs* akan membebaskan ilmu pengetahuannya dari perkara-perkara khayalan dan tanggapan haiwaniyah apabila ingin mengetahui sesuatu perkara atau mencapai makrifah Allah S.W.T. Ia juga akan membebaskan keinginannya dari hawa nafsu, makanan yang sedap, perkahwinan, pakaian dan seumpamanya. Ia tidak menginginkan sesuatu pun melainkan hanya Allah S.W.T, ia hanya berharap untuk menemui Allah S.W.T dan ia hanya berasa gembira ketika mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.<sup>64</sup> Kesan kefahaman terhadap *al-Muhaymin* ialah seseorang itu akan mengawasi dan menguasai secara komprehensif terhadap hati, perbuatan, sifat dan seluruh keadaan yang dihadapinya secara konsisten.<sup>65</sup> Apabila ia berjaya mengawasi hatinya, ia akan mampu memiliki hati yang ikhlas apabila melakukan apa-apa tugasan. Kesan yang sama juga terdapat pada *al-Hafīz* dan *al-Raqīb*. Seseorang yang memahami *al-Hafīz* akan menjaga hati sanubari dan agamanya agar terpelihara dari godaan hawa nafsu dan tipu daya syaitan yang boleh menjerumuskannya ke arah kebinasaan.<sup>66</sup> Penjagaan seseorang itu secara rapi terhadap hatinya tersebut akan mendorongnya memiliki hati yang mengikhlaskan diri kepada Allah S.W.T. Begitu juga *al-Raqīb* yang juga merujuk kepada *al-Hafīz* di mana kesan kefahamannya ialah seseorang itu akan mengawasi hatinya semata-mata kerana Allah S.W.T. Ia merasakan bahawa ia sentiasa diperhatikan dan diawasi oleh Allah S.W.T pada setiap sesuatu yang dilakukannya. Ia akan mengawasi segala tipu daya dan godaan syaitan dan nafsunya yang merupakan musuhnya agar ia tidak

<sup>64</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 68.

<sup>65</sup> *Ibid.*, 73.

<sup>66</sup> *Ibid.*, 114-116.

lalai dan melakukan kesilapan.<sup>67</sup> Berhubung dengan *al-Māni’*,*al-Ghazālī* tidak menyatakan kesan kefahaman terhadap nama ini. Namun, ia dapat dilihat pada maknanya iaitu Allah S.W.T adalah Tuhan yang menghalang segala penyebab kerosakan di dalam agama dan tubuh badan dengan membuat persediaan untuk menjaganya.<sup>68</sup> Jadi, seseorang yang memahami *al-Māni’* akan berusaha menghalang segala penyebab kerosakan seperti keinginan hawa nafsu terhadap urusan keagamaan dan tubuh badan mereka sehingga halangan tersebut dapat menjaga kedua-duanya. Pengawasan, penjagaan dan seumpamanya terhadap tubuh badannya dari dipengaruhi oleh keinginan hawa nafsu akan membantunya menjadi seseorang yang mengikhaskan diri kepada Allah S.W.T.

4. *Al-Mu’izz* dan *Al-Mudhill*: Bagi *al-Ghazālī*, seseorang itu dimuliakan Allah S.W.T apabila ia bebas dari segala keinginan yang tercela, kongkongan syahwat, keaiban dan kejahilan. Hatinya juga mampu memahami keindahan sifat Allah S.W.T, bebas dari keinginan dunia dan dirinya mampu menguasai sifat-sifat dirinya sendiri agar terkawal. Jika sebaliknya, ia akan dihinakan oleh Allah S.W.T.<sup>69</sup> *Al-Bayḍāwī* dalam pandangannya terhadap kedua-dua nama ini, tidak mengaitkan secara jelas kesan kefahamannya dengan kongkongan hawa nafsu, namun dapat dikaitkan dengan kenyataannya secara umum iaitu seseorang yang tidak memerlukan makhluk-makhluk-Nya maka ia akan dimuliakan Allah S.W.T.<sup>70</sup> Antara makhluk-makhluk yang boleh

---

<sup>67</sup> *Ibid.*, 122.

<sup>68</sup> *Ibid.*, 155.

<sup>69</sup> *Ibid.*, 92-93.

<sup>70</sup> *Al-Bayḍāwī*, *Sharḥ*, 228.

dikaitkan ialah hawa nafsu. Ciri keikhlasan dapat dilihat apabila seseorang itu berjaya membebaskan dirinya dari keinginan yang tercela, kongkongan syahwat, keaiban dan kejahilan. Ia berjaya mengawal dirinya dengan hanya mengikhlaskan dirinya kepada Allah S.W.T.

5. *Al-Khabīr* dan *al-Shahīd*: al-Ghazālī menjelaskan bahawa kesan kefahamannya ialah seseorang itu akan mengetahui secara jelas tentang perkara yang tersembunyi berhubung dengan hati dan tubuh badannya. Antaranya ialah penipuan, khianat, mementingkan urusan dunia, bertujuan buruk dan menzahirkan kebaikan tanpa keikhlasan.<sup>71</sup> al-Ghazālī juga menjelaskan bahawa huraihan nama Allah S.W.T yang lain iaitu *al-Shahīd* juga menghampiri nama ini.<sup>72</sup> Al-Qushayrī menerangkan bahawa seseorang yang memahami *al-Khabīr* nescaya ia akan meneliti rahsia dirinya dan tahu apa yang tersembunyi pada hatinya. Jika dapat memahami *al-Shahīd* maka seseorang itu akan tahu segala tindakan dirinya dan memerhatikan keadaan dirinya agar dapat memperolehi reda Allah S.W.T.<sup>73</sup> Perkara yang tersembunyi pada hatinya, rahsia dirinya, tindakan dan keadaan diri seseorang itu dapat dikaitkan dengan hawa nafsu seseorang. Apabila seseorang itu mengetahui secara terperinci tentang keburukan dirinya seperti menzahirkan sesuatu tanpa keikhlasan, maka ia akan membetulkan dirinya agar ia tidak melakukannya lagi.
6. *Al-'Aliyy*, *al-Muta'āl* dan *al-Hayy*: al-Ghazālī mengaitkan kesan kefahaman terhadap *al-'Aliyy* dengan tiga peringkat dalam kehidupan manusia

<sup>71</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 105-106.

<sup>72</sup> *Ibid.*, 132-133.

<sup>73</sup> Al-Qushayrī, *al-Tahbīr*, 39 dan 53.

iaitu haiwan, manusia dan malaikat.<sup>74</sup> Begitu juga dengan *al-Hayy*, di mana al-Ghazālī menyatakan bahawa setiap yang hidup selain daripada Allah S.W.T terdiri dari peringkat malaikat, manusia dan haiwan.<sup>75</sup> Manakala *al-Muta’il* juga memberi maksud yang sama dengan *al-‘Aliyy* dengan makna yang bersanggatan.<sup>76</sup> Kesan kefahaman terhadap nama ini juga adalah sebagaimana dapat dilihat pada nama *al-‘Aliyy*. Peringkat kehidupan tertinggi ialah peringkat malaikat yang tidak dipengaruhi keinginan hawa nafsu sebagaimana yang berlaku kepada peringkat haiwan dan manusia. Ciri keikhlasan seseorang itu bergantung kepada bagaimana seseorang itu berjaya mengelakkan dirinya dari menginginkan sesuatu berdasarkan hawa nafsu. Ini kerana, ketidakikhlasan berlaku disebabkan niat hatinya tidak hanya kerana Allah S.W.T tetapi turut berniatkan keinginan hawa nafsunya.

7. *Al-Hakim*: Antara kesan kefahaman terhadap nama ini ialah seseorang itu akan fokus kepada keimanan, ketakwaan dan tidak tunduk kepada hawa nafsunya.<sup>77</sup> Al-Rāzī menghuraikan bahawa kefahaman bagi nama ini dapat dikaitkan dengan kebijaksanaan dari aspek amalan (*al-hikmah al-‘amaliyyah*). Jika seseorang itu meneliti hal ehwal dirinya maka ia disebut ilmu akhlak.<sup>78</sup> Kebijaksanaan seseorang itu ketika memastikan dirinya tidak dipengaruhi keinginan hawa nafsunya dapat membantunya mencapai keikhlasan dalam kehidupannya.

---

<sup>74</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 110-112.

<sup>75</sup> *Ibid.*, 139-140.

<sup>76</sup> *Ibid.*, 152.

<sup>77</sup> *Ibid.*, 125-127.

<sup>78</sup> Al-Rāzī, *Sharḥ*, 273.

8. *Al-Waliyy* dan *al-Muntaqim*: Kesan kefahaman terhadap *al-Waliyy* akan mendorong seseorang itu mencintai Allah S.W.T dan memusuhi musuh-musuh-Nya dari kalangan nafsu dan syaitan.<sup>79</sup> Begitu juga apabila seseorang itu memahami *al-Muntaqim*, ia akan menghukum musuh-musuh Allah S.W.T iaitu nafsunya sendiri. Ia akan menghukum nafsunya sendiri bagi apa jua pun maksiat yang ditimbulkan atau menyebabkannya kurang beribadah.<sup>80</sup> Bagi al-Rāzī, seseorang yang memahami *al-Waliyy* akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai dirinya di mana ia tidak sempurna melainkan ia berpaling daripada selain daripada Allah S.W.T.<sup>81</sup> Permusuhan dan penentangan terhadap keinginan hawa nafsunya sendiri akan memudahkan seseorang untuk ikhlas kepada Allah S.W.T. Orang yang tidak ikhlas adalah orang yang melakukan sesuatu disebabkan sesuatu selain dari Allah S.W.T. Ia tidak memandang sesuatu selain dari Allah S.W.T itu sebagai musuh. Maka, ini menyukarkannya untuk mengikhlaskan diri kepada Allah S.W.T.

Nama-nama Allah S.W.T yang mendorong seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan dan ia merupakan bukti kepada keikhlasannya:

1. *Al-Rahmān*, *Al-Rahīm*, *al-Wadūd* dan *al-Ra’ūf*: Seseorang yang memahami *al-Rahmān* akan sentiasa mengasihi orang yang lalai untuk mengingati Allah S.W.T dengan cara berusaha menasihatinya secara lemah lembut bukan dengan cara penghinaan. Nasihat itu diberikan dengan penuh kasih sayang kerana ia takut rakannya dimurkai oleh Allah S.W.T pada hari akhirat

<sup>79</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 137.

<sup>80</sup> *Ibid.*, 149.

<sup>81</sup> Al-Rāzī, *Sharḥ*, 288.

sehingga terdedah dengan seksaan-Nya. Seseorang yang memahami *al-Rahīm* dan akan berusaha memenuhi keperluan orang lain agar hajat mereka akan dapat dipenuhi. Sekiranya ia tidak mampu melakukannya, ia akan sentiasa berdoa untuk rakannya itu dan melahirkan perasaan dukacita atas kesengsaraan yang dialaminya seolah-olah ia merasai kesengsaraan mereka.<sup>82</sup> Begitu juga seseorang yang memahami *al-Wadūd* yang maksudnya hampir dengan *al-Rahīm* akan inginkan hamba-hamba Allah S.W.T yang lain mencapai kebaikan sebagaimana yang ia inginkan untuk dirinya. Bahkan dia lebih mementingkan orang lain berbanding dirinya sendiri. Meskipun dia dianiayai, dia tetap tidak membantalkan hasratnya untuk berbakti kepada si penganiaya tersebut.<sup>83</sup> Berhubung dengan *al-Ra’ūf*, *al-Ghazālī* tidak menyatakan kesan kefahamannya tetapi maknanya adalah *al-rahīm ma’ a al-mubālaghah* (pengasih yang bersanggatan) yang juga akan memberi kesan yang hampir sama dengan *al-Rahīm*. Ini memperlihatkan dirinya mempunyai keikhlasan hati apabila melakukan sesuatu. Antara tanda keikhlasan yang kelihatan ialah seseorang itu berusaha menasihati dan membantu rakannya yang kesusahan atau berdoa dan merasai kesengsaraan rakannya jika tidak mampu membantunya.

2. *Al-Ghaffār*, *al-Ghafūr*, *al-Tawwāb* dan *al-‘Afūww*: Kefahaman terhadap kempat-empat nama ini memberi kesan yang hampir sama. Seseorang yang memahami *al-Ghaffār* dan *al-Ghafūr* -yang juga bermaksud *al-Ghaffār* tetapi ia terbina dari jenis pengampunan yang sempurna (*mubālaghah*)- akan menutup keburukan orang lain sebagaimana ia suka

---

<sup>82</sup> *Al-Ghazālī*, *al-Maqṣad al-Asnā*, 63-64 dan 150.

<sup>83</sup> *Ibid.*, 127-129.

keburukannya tidak didedahkan. Ia juga tidak mempedulikan keburukan orang lain dengan tidak mendedahkannya dan memberi perhatian sebaiknya kepada kebaikan orang lain dengan menyebutnyebutnya.<sup>84</sup> Begitu juga, seseorang yang memahami *al-‘Afīwū* akan memaafkan kesalahan sesiapa yang menzaliminya, bahkan bertindak baik kepadanya.<sup>85</sup> Manakala seseorang yang memahami *al-Tawwāb* akan menerima kemaafan golongan yang berbuat dosa dari mereka yang dijaganya, kawan-kawannya dan kenalannya berkali-kali.<sup>86</sup> Kesan kefahaman terhadap keempat-empat nama ini memperlihatkan keikhlasan mereka kerana sanggup tidak mendedahkan kesalahan orang lain, mengampuni kesalahan mereka berkali-kali dan bahkan berbuat baik kepada mereka yang melakukan kesalahan kepadanya.

3. *Al-Muqṣit*: Seseorang yang memahami nama ini, ia akan memberi keadilan kepada orang lain ke atas dirinya untuk kepentingan mereka terlebih dahulu kemudian memastikan orang lain melakukan keadilan kepada orang lain untuk kepentingan mereka. Namun, ia tidak menuntut keadilan daripada orang lain untuk kepentingan dirinya.<sup>87</sup> Al-Bayḍāwī dalam penjelasannya bagi kesan kefahaman daripada nama ini turut menyatakan sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Ghazālī.<sup>88</sup> Antara tanda-tanda keikhlasan ialah seseorang itu lebih mengutamakan keadilan terhadap orang lain berbanding keadilan terhadap dirinya.
4. *Al-Karīm* dan *al-Shakūr*: Kesan kefahaman bagi orang yang memahami *al-Karīm* menurut al-Ghazālī

---

<sup>84</sup> *Ibid.*, 81-82 dan 108.

<sup>85</sup> *Ibid.*, 150.

<sup>86</sup> *Ibid.*, 148-149.

<sup>87</sup> *Ibid.*, 152-153.

<sup>88</sup> Al-Bayḍāwī, *Sharḥ*, 330.

ialah memenuhi janji, menyumbang sesuatu melebihinya apa yang diharapkan dan tidak ambil peduli kepada siapa sumbangan tersebut diberikan.<sup>89</sup> Begitu juga *al-Shakūr* di mana apabila seseorang memahaminya, ia akan berterima kasih kepada orang lain dan membala pemberian mereka dengan sesuatu yang lebih baik.<sup>90</sup> Al-Qushayrī menerangkan bahawa seseorang yang mengambil pengajaran dari nama *al-Karīm* ialah seseorang yang antara sifatnya ialah memberi bantuan kepada orang yang memerlukan sebelum ia meminta-minta. Manakala kesan kefahaman *al-Shakūr* ialah seseorang itu menepati sama ada ia menggunakan tubuh badan untuk mentaati Allah S.W.T, hatinya tidak sibuk melainkan hanya berzikir dan mengenali-Nya, lidahnya fokus memuji dan memuja-Nya dan hartanya dinafkahkan pada perkara yang direndai-Nya.<sup>91</sup> Keikhlasan seseorang itu dapat dilihat apabila ia sanggup memberi sumbangan sesuatu kepada orang lain melebihinya apa yang diinginkannya dan tidak peduli sama ada orang yang disumbangkan olehnya itu kawan, musuh atau lain-lain.

Rumusannya, keistimewaan pandangan al-Ghazālī ini dapat dilihat apabila ia mempengaruhi tokoh besar yang lain seperti al-Bayḍāwī dan al-Rāzī. Manakala, keistimewaan kaedah yang disusun oleh al-Ghazālī dalam memahami *al-Asmā’ al-Husnā* dapat dikaitkan dengan ciri keikhlasan. Apabila dilihat kepada peringkat pertama, peringkat ini menekankan seseorang itu agar memberi fokus kepada usaha untuk mencapai *al-ma’rifah* tentang sifat-sifat Allah S.W.T dengan keyakinan yang teguh dan hati yang telah dibersihkan daripada keinginan untuk mencapai matlamat sesuatu yang selain daripada Allah

<sup>89</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 121-122.

<sup>90</sup> *Ibid.*, 108-110.

<sup>91</sup> Al-Qushayrī, *al-Tahbīr*, 42 dan 48.

S.W.T. Apabila keyakinan seseorang itu telah teguh terhadap mana-mana *al-Asmā’ al-Husnā* dengan hatinya tidak inginkan sesuatu pun melainkan hanya Allah S.W.T, maka ini mampu membuatkan dirinya menjadi seseorang yang ikhlas.

Berhubung dengan peringkat kedua yakni seseorang itu menekankan pengagungan (*al-isti’zām*) dan pemuliaan (*al-istishrāf*) terhadap Allah S.W.T yang mendorong seseorang bersifat (*al-ittisāf*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T. Dorongan itu melibatkan rindu (*shawq*) dan asyik (*ishq*) dengan sifat-sifat-Nya dan sangat menitikberatkan penghiasan diri (*al-taħallī*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T dengan sempurna sekadar kemampuannya yang ada. Pengagungan dan pemuliaan seseorang itu terhadap mana-mana *al-Asmā’ al-Husnā* akan mendorongnya menjadi insan yang ikhlas.

Manakala, peringkat ketiga yakni seseorang itu berusaha bersungguh-sungguh (*iktisāb*) untuk berakhhlak (*al-takhalluq*) dan menghiasi diri (*al-taħallī*) dengan sifat-sifat tersebut. Ini melayakkan mereka mencapai kedudukan insan *rabbani* di sisi Allah S.W.T dan menjadi rakan rapat (*rafiq*) kepada para malaikat yang berada di kedudukan tertinggi. Seseorang yang melakukan kaedah ini, ia akan berjaya untuk berakhhlak dengan mana-mana *al-Asmā’ al-Husnā*. Kejayaan tersebut dicapai setelah ia berjaya mencontohi martabat malaikat. Martabat ini menekankan ketidakbergantungan kepada hawa nafsu sebaliknya apa yang dilakukan oleh mereka adalah untuk mencapai matlamat muhū menghampirkan diri kepada Allah S.W.T.

Akhirnya, seseorang yang ingin menerapkan di dalam dirinya dengan ciri *al-ikhlās*, ia boleh memahami lima puluh tiga *al-Asmā’ al-Husnā* tersebut berdasarkan tiga peringkat kaedah dalam memahami *al-Asmā’ al-Husnā* menurut al-Ghazālī. Hubung kait *al-Asmā’ al-Husnā* dengan ciri *al-ikhlās* secara umumnya dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu *al-Asmā’ al-*

*Husnā* yang memberi kesan kepada seseorang agar memberi tumpuan sepenuhnya kepada Allah S.W.T, *al-Asmā’ al-Husnā* yang mendorong seseorang itu berupaya mengawal keinginan hawa nafsunya dan *al-Asmā’ al-Husnā* yang mendorong seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan dan ia merupakan bukti kepada keikhlasannya. Dengan ini, ia akan mendorongnya untuk menghindarkan dirinya dari ciri-ciri seperti tidak ikhlas, riyak, ujub, mementingkan hawa nafsu dan seumpamanya.

### Kesimpulan

Kaedah kefahaman terhadap *al-Asmā’ al-Husnā* boleh difahami berdasarkan tiga peringkat, di mana peringkat pertama seseorang memberi fokus kepada usaha untuk mencapai *al-ma’rifah* tentang sifat-sifat Allah S.W.T dengan keyakinan yang teguh dan hati yang telah dibersihkan daripada keinginan untuk mencapai matlamat sesuatu yang selain daripada Allah S.W.T.

Kemudian, peringkat kedua menekankan pengagungan (*al-isti’zām*) dan pemuliaan (*al-istishrāf*) terhadap Allah S.W.T yang mendorong seseorang bersifat (*al-ittisāf*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T. Dorongan itu melibatkan rindu (*shawq*) dan cinta (*‘ishq*) terhadap sifat-sifat-Nya dan sangat menitikberatkan penghiasan diri (*al-tahallī*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T dengan sempurna. Jika tidak mampu, maka ia melakukannya berdasarkan kadar kemampuannya yang ada.

Pada peringkat terakhir, ia berusaha bersungguh-sungguh (*iktisāb*) untuk berakhlik (*al-takhalluq*) dan menghiasi diri (*al-tahalli*) dengan sifat-sifat tersebut. Ini melayakkan mereka mencapai kedudukan insan *rabbāni* di sisi Allah S.W.T dan menjadi rakan rapat (*rafiq*) kepada para malaikat yang berada di kedudukan tertinggi. Peringkat ini juga dikenali sebagai penjelmaan nilai-nilai mulia dalam perilaku diri (*al-tajallī*). Seseorang yang ingin menerapkan di dalam dirinya

dengan ciri *al-ikhlāṣ*, ia boleh memahami lima puluh tiga *al-Asmā’ al-Husnā* tersebut berdasarkan kaedah yang telah dijelaskan.

Apabila *al-Asmā’ al-Husnā* ini difahami dengan baik, ia akan mendorongnya untuk menghindarkan dirinya dari ciri-ciri seperti tidak ikhlas, riyak, ujub, mementingkan hawa nafsu dan seumpamanya. *Al-Ikhlas* tidak dapat diterapkan di dalam diri seseorang itu jika ciri-ciri yang bertentangan dengannya ini turut ada pada dirinya.

### Rujukan

- ‘Abd al-Jawwād, Aḥmad. *Wa li Allāh al-Asmā’ al-Husnā*. Kaherah: Dār al-Bayān li al-Turāth, t.t.
- Abu-Sway, Mustafa. *Al-Ghazzaliyy: A Study in Islamic Epistemology*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 1996.
- Al-`Ajām, Rafīq. *Mawsū‘at al-Muṣṭalaḥāt al-Taṣawwuf al-Islāmī*. Beirut: Maktabah Lubnan, 1999.
- Al-`Asqalānī, Aḥmad ibn `Alī ibn Ḥajar. *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣahīḥ al-Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘il al-Bukhārī*. Taḥqīq: `Abd al-Qādir Shaybah al-Ḥamd. Riyadh: Maktabat al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah, 2001.
- Al-Bayḍāwī, `Abd Allāh ibn `Umar. *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā*. Taḥqīq: Khālid al-Jundī. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2009.
- Dawūd, Al-Sayyid Muḥammad Ṣāliḥ. “Al-Dars al-Dilālī `inda Abī Ḥāmid al-Ghazālī fī Kitābayhi: al-Mankhūl min Ta‘liqāt al-Usūl, al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā”. Tesis kedoktoran, Kuliyat al-Adab, Universiti al-Iskandariyyah, 2008.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. “Bidāyat al-Hidāyah.” Dalam *Majmū‘at al-Rasā’il al-Imām al-Ghazālī*, ed. Maktab al-Buḥūth wa al-Dirāsāt. Beirut: Dār al-Fikr, 2008.

- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Arba ‘in fi Uṣūl al-Dīn*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā*. Tahqīq: Abū Sahl dan Najāḥ `Iwād Ṣiyām. Kaherah: Dār al-Muqtim, 2008.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.
- Al-Ḥākim, Su‘ad. *Al-Mu‘jam al-Ṣūfi*. Beirut: Dandarah li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 1981.
- Ibn al-`Imād, Shihāb al-Dīn Abū al-Falaj ‘Abd al-Ḥayy ibn Aḥmad. *Shadharat al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*. Tahqīq: Maḥmūd al-Arnā’ūt. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1989.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā’īl ibn `Umar. *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Tahqīq: `Abd Allāh ibn `Abd al-Muhsin al-Turkī. Giza: Markaz al-Buhūth wa al-Dirāsat al-‘Arabiyyat al-Islāmiyyah, 1998.
- ‘Isā ‘Abd Allāh `Alī. “Al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā (li al-Imām Ḥujjat al-Islām Abī Ḥāmid al-Ghazālī al-Mutawaffā Sanah 505H): Dirāsa wa Tahqīq.” Disertasi sarjana, Kuliyah Usuluddin, Universiti al-Azhar, 1988.
- Ismā’īl, Muḥammad Bakr. *Asmā’ Allāh al-Husnā Athāruhā wa Asrāruhā*. Kaherah: Dār al-Manār, 2000.
- Al-Jurjānī, `Alī ibn Muḥammad. *Kitāb al-Ta‘rifāt*. Beirut: Maktabah Lubnan, 1985.
- Kamus Dewan, ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- M. Quraish Shihab. *Menyingkap Tabir Ilahi Asma Al Husna Dalam Perspektif Al-Qur'an*. Jakarta: Penerbit Lentera Hati, 2005.
- Al-Madkūr, `Abd al-Ḥāmid. “Ittijāhāt al-Muslimin Naḥwa al-Taṣawwuf.” Dalam *Mawsū‘at al-Taṣawwuf al-Islāmī*. Ed. Maḥmūd Ḥamdi Zaqzuq. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 2009.

- Al-Madkūr, `Abd al-Ḥāmid. (Profesor, Jabatan Falsafah Islam, Kuliyyah Dar al-‘Ulum, Universiti Kaherah), dalam temu bual dengan penulis, 2 dan 7 Julai 2010.
- Mohd Abduh bin Abu Samah@Hashim. “Pemikiran Akidah al-Imam al-Ghazzali Dalam Kitab *Ihya’ `Ulum al-Din*: Analisis Terhadap Kitab *Qawa'id al-'Aqa'id*.” Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006.
- Mohd Fakhrudin Abdul Mukti. “Al-Ghazzali and His Refutation of Philosophy”. *Jurnal Usuluddin*, bil. 21 (2005).
- Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari. *Al-Asma’ al-Husna*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.
- Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsi*. t.t.: al-Munzamat al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, t.t.
- Al-Mu'jam al-Wasīt*. Ed. Mujamma‘ al-Lughat al-'Arabiyyah. Mesir: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah, 2005.
- Al-Munjid fī al-Lughah wa al-A'lām*. Cet. ke-30. Beirut: Dār al-Mashriq, 1988.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim ibn al-Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Taḥqīq: Khalīl Ma'mūn Shayhā. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2010.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyā Yaḥyā ibn Sharf. *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*. Kaherah: al-Maṭba‘at al-Miṣriyyah bi al-Azhar, 1930.
- Al-Qushayrī, `Abd al-Karīm ibn Hawāzin. *Al-Taḥbīr fī al-Tadhkir Sharh Asmā’ Allāh al-Husnā*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1999.
- Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim. *Al-Risālat al-Qushayriyyah*. Taḥqīq: `Abd al-Halīm Maḥmūd. Kaherah: Matabi‘ Muassasah Dār al-Sha'b, 1989.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā li al-Rāzī wa Huwa al-Kitāb al-Musammā Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa al-Ṣifāt*.

Mohd Hasrul & Mohd Fauzi, , “Kefahaman terhadap *al-Asmā’ al-Husnā* dan Kaitannya dengan Ciri *al-Ikhlas*,” *Afkār* Vol. 19 Special Issue (2017): 47-86

Kaherah: al-Maktabat al-Azhariyyah li al-Turāth, 2000.

Vural, Mehmet. “Classic Logic of Al-Ghazali Methodology”. *Journal of Islamic Research*, vol. 3, no: 2, (2010).